

23 MAY 2000

Mahathir-Ling

MCA TIDAK AKAN DIBERI TAMBAHAN JAWATAN KABINET -- MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata MCA tidak akan diberikan jawatan tambahan dalam kabinet untuk tidak menyentuh kedudukan parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain.

"Kita memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada permintaan MCA tetapi kita tidak dapat menambah bilangannya (jawatan kabinet) tanpa menyentuh kedudukan parti-parti lain," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan forum Asia-Afrika di sini.

Beliau menyatakan demikian ketika ditanya sama ada MCA akan diberikan tambahan jawatan dalam kabinet sebagaimana yang diminta oleh parti itu.

Parti komponen BN itu dilaporkan telah meminta jawatan tambahan dalam kabinet sebelum presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, mengambil tindakan mengejut untuk meletak jawatan Menteri Pengangkutan, yang diumumkan semalam.

Dr Ling, yang mengumumkan keputusan itu pada mesyuarat majlis presiden parti itu di ibu pejabat MCA, kemudian mengesahkannya kepada media dan berkata beliau tidak akan mengubah fikirannya.

Dr Ling tidak menyatakan sebab-sebab beliau memubuat keputusan itu selain daripada berkata yang beliau mengundurkan diri dengan perasaan gembira dan bahawa "giliran saya untuk berundur sudah sampai".

Dr Mahathir, dalam reaksi serta-mertanya terhadap langkah Dr Ling itu menyatakan semalam bahawa beliau belum menerima keputusan Dr Ling itu, dan akan meminta presiden MCA itu menimbanginya semula. Bagaimanapun ia terserah kepada Dr Ling.

Hari ini Perdana Menteri juga berkata bahawa beliau belum menerima surat rasmi daripada Dr Ling untuk meletak jawatannya, dan pemimpin MCA itu masih boleh menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet esok.

Dr Mahathir menegaskan sekali lagi bahawa beliau akan terus meminta Dr Ling menimbang semula keputusannya, tetapi ia masih bergantung kepada Dr Ling.

Apabila ditanya sama ada rombakan Kabinet akan dilakukan sekiranya Dr Ling tetap dengan keputusannya, beliau menjawab: "Tidak, saya akan hanya mengisi kekosongan jawatan itu kerana ia kementerian penting."

Bagaimanapun katanya beliau perlu melakukan sedikit pengubahsuaian kerana jawatan itu perlu diisi oleh orang yang berpengalaman.

"Saya tidak boleh tukar begitu sahaja. Terpaksa lakukan ubahsuaian... mungkin lantik seseorang yang berpengalaman. Orang baru akan mengambil tempatnya pula," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada Kementerian Pengangkutan akan tetap dengan MCA atau akan diberikan kepada parti lain, Dr Mahathir berkata ia bukanlah satu jawatan tetap bagi MCA.

"Sebelum ini pun ia dipegang oleh parti-parti lain. Kita perlu membuat penilaian tentang siapa yang sesuai untuk memegang jawatan itu. Ini kerana kementerian itu adalah kementerian penting dan kita mempunyai rancangan besar untuk meningkatkan lagi industri pengangkutan," katanya.

Sambil menyatakan terkejutnya dengan perkembangan dalam MCA itu, Dr Mahathir berkata beliau akan terlebih dahulu mengkaji perakuan Dr Ling supaya Naib Presiden MCA Datuk Chan Kong Choy mengambil alih jawatan menteri pengangkutan.

Mengenai cakap-cakap bahawa peletakan jawatan Dr Ling itu adalah strategi beliau untuk menyelesaikan perselisihannya dengan Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek, Dr Mahathir berkata beliau tidak mahu membuat spekulasi.

Mengenai kemungkinan Lim, bekas menteri sumber manusia, kembali menyertai kabinet semula, Dr Mahathir berkata terserahlah kepada MCA untuk membuat cadangan dan beliau akan menerimanya.

Ditanya sama ada perkembangan dalam MCA itu akan memberi kesan kepada sokongan pengundi Cina kepada BN dalam pilihan raya kecil kawasan Parlimen Teluk Kemang bulan depan, Dr Mahathir berkata: "Ia tidak memberi kesan."

-- BERNAMA

ARA/AR NMO